

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : KOSMO (Negara)

TARIKH: 30 DISEMBER 2017

M/S: 14

## 14 pondok madrasah hangus dijilat api

**KOTA BHARU** - Lebih 190 penghuni Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir yang sedang khusyuk membaca surah Yasin secara berjemaah terkejut apabila 14 buah pondok kayu hangus dijilat api di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian pukul 7.45 malam itu, kesemua pondok itu terletak tidak jauh dari masjid tempat kesemua 190 penghuni berkumpul untuk bersolat Mahgrib dan membaca Yasin.

Mudir Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir, Mohd. Jalaludin Asayuti Mohamed, 49, berkata, kebakaran tersebut dipercayai akibat litar pintas.

Katanya, disebabkan pondok milik persendirian berusia 37 tahun itu dibina menggunakan kayu, api cepat marak terbakar.

"Musibah ini merupakan kejadian pertama yang berlaku di madrasah ini sejak ia dibuka secara rasmi pada tahun 1980.

"Setakat ini kerugian dianggarkan berjumlah lebih RM30,000," jelasnya.

Madrasah berkenaan menempatkan lebih 190



**SEBANYAK 14** buah pondok Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir hangus terbakar di Kota Bharu malam kelmarin.

penghuni yang terdiri daripada 110 pelajar lelaki, 45 pelajar perempuan dan 35 warga emas yang menuntut pengajian tahfiz al-Quran serta selebihnya untuk beribadah.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), Dr. Nik Azlan Nik Abd. Hadi menyerahkan sumbangan berjumlah RM54,000 kepada mudir madrasah untuk pembinaan semula pondok selain membiayai pengurusan pelajar yang terlibat.

Jelasnya, Maik akan bekerjasama dan memantau dengan semua pondok tahfiz di Kelantan agar mengikuti piawaian prosedur operasi standard yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian serupa berulang.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan, Penguasa Kanan Bomba II, Hussin Ab. Rahman berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 7.50 malam dan empat jentera dikerah ke lokasi kejadian.